

28/08/1997

Semerak kekuatan baru BN Kelantan

Mohd Shah Abdullah

TIDAK syak lagi, kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak pada 11 Ogos lalu memberi momentum baru sekali gus memperkasa kekuatan parti itu. BN kini memperoleh suntikan baru dalam usahanya untuk menawan semula Kelantan, yang terlepas kepada Pas sejak 1990.

Semerak atau seperti diungkapkan Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa, 'Sedia Merampas Kelantan' harus dijadikan titik tolak dalam mengharungi detik perjuangan seterusnya, terutama persiapan menghadapi pilihan raya umum, dijangka dua tahun dari sekarang.

"Kita sedar kemenangan itu bukan bererti BN sudah menawan Kelantan atau untuk menunjuk perasaan bangga secara berlebihan. Ia adalah untuk memperkasa budaya baru dalam Umno dan BN Kelantan," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian di Kota Bharu.

Bertolak dari situ, BN Kelantan menganjurkan konvensyen selama dua hari, bermula esok (Khamis) disusuli program Perhimpunan Rakyat, keesokannya berlangsung di Sekolah Menengah Cherang Ruku, Semerak dalam jajahan Pasir Puteh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan ucap tama di perhimpunan bersejarah itu. Selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, kedatangan Dr Mahathir lebih daripada lawatan biasa atau untuk sekadar meraikan kemenangan di Semerak tetapi sudah pasti membawa mesej tersendiri kepada rakyat Kelantan.

Selama tujuh tahun, kata Annuar, Perdana Menteri memberi 'tongkat' agar pimpinan dan penyokong BN Kelantan mampu berjalan dalam keadaannya yang 'rebah' selepas menerima pukulan kekalahan pada 1990. Sepanjang tempoh itu, kata Annuar, Perdana Menteri terus-menerus memberikan sokongan, bimbingan dan dorongan melalui bantuan 'tongkat' untuk membolehkan BN berjalan seperti biasa.

"Kedatangan Dr Mahathir amat bermakna sekali kerana ia menandakan penghargaan kepada sokongan rakyat di Semerak, manakala di pihak rakyat pula membuktikan kesetiaan dan sokongan kepada Perdana Menteri dan BN," katanya.

Menerusi konvensyen ini yang dianggap sebagai gelanggang terbaik BN Kelantan melakukan muhasabah dan bertafakur merenung ke dalam untuk mencerakin segala kelemahan dan kecuaiannya selama ini.

Annuar mengakui BN Kelantan lemah kerana beberapa faktor dalaman. Masalah perpaduan di kalangan ahli yang mewujudkan politik berpuak (kabilah), suka mensabotaj (cah keting), mementingkan diri sendiri dan tiada kepercayaan sesama sendiri menyebabkan BN, khususnya Umno menghadapi gelora dalaman. Selama ini, perkara itu dianggap sebagai 'duri dalam daging' yang melemahkan BN Kelantan.

Dengan memilih tema 'Semarakkan Iltizam Ke Arah Perubahan', BN berusaha memperkenalkan 'Anjakan Budaya' bagi membawa perubahan menyeluruh di negeri ini. Sesuai dengan anjuran al-Quran bahawa 'Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, melainkan kaum itu sendiri yang bertindak untuk mengubahnya', maka pimpinan dan penyokong BN di Kelantan mesti bersedia melakukan perubahan diri terlebih dahulu. Ia dianggap sebagai prasyarat, sebelum BN dapat melakukan transformasi menyeluruh dalam misinya untuk merampas semula Kelantan dan seterusnya melaksanakan cita-cita membangunkan negeri ini.

Mereka haruslah mampu untuk meyakinkan rakyat Kelantan (baca: menawan

hati rakyat) dalam usahanya untuk memperkenalkan perubahan yang ingin dilaksanakan di negeri ini.

Annuar yakin faktor di luar BN seperti pihak istana, bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan institusi lain seperti agama kini sudah berpihak untuk memberi sokongan kepada parti itu tetapi ia belum memadai, jika ahli sendiri tidak bersedia membetulkan diri sendiri. Hanya dengan langkah memperbaiki kelemahan dalaman inilah, BN mampu mencapai kejayaan pada masa depan.

Beliau berkata, BN akan mendokumentasikan hasil resolusi konvensyen itu dan agenda bertindaknya sebagai pelan kerja menghadapi cabaran masa depan meliputi aspek ekonomi, fizikal, infrastruktur, pendidikan dan kerohanian.

"Kelantan harus dibina sebagai sebuah negeri yang dinamik dan progresif," katanya.

(END)